

SPRM teliti isu rakyat tidak tahu agensi kendali kes rasuah

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memandang serius hasil kajian Persekutuan Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Huazong) bahawa 48 peratus responden berusia antara 16 dan 45 tahun yang ditemui tidak mengetahui agensi yang mengendalikan kes rasuah.

Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil berkata, SPRM juga mengambil maklum mengenai kira-kira 78 peratus responden mengatakan tidak salah menerima 'imbuhan' daripada kontraktor-kontraktor yang berhasrat mengadakan hubungan bisnes dengan mereka.

"Hasil kajian tersebut mempunyai kesamaan dengan kendalian SPRM dan Universiti Putra Malaysia yang menunjukkan perlu ada inisiatif menyeluruh bagi meningkatkan pengetahuan mengenai SPRM dan menjana sokongan ke atas yang usaha dilaksanakan oleh SPRM.

"SPRM juga menyambut baik seruan agar semua parti politik menyokong pindaan Akta SPRM untuk memasukkan peruntukan berkenaan liabiliti korporat. Program bagi mendekati rakyat khususnya komuniti Cina dan golongan berusia bawah 25 tahun akan diperbanyakkan pada 2014," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, Shamshun Baharin memberitahu, selain aspek liabiliti korporat, SPRM sedang berusaha untuk meminda Seksyen 23 dan Seksyen 36 Akta SPRM dan pindaan tersebut dijangka dibawa ke Parlimen pada tahun depan.

Jelasnya, sebagai sebuah agensi pencegahan rasuah, badan itu telah mengadakan pelbagai program menyemai kesedaran antirasuah dan memupuk integriti dalam kalangan orang ramai termasuk kaum Cina.

"SPRM sedang menyusun siri program bagi menjalin kerjasama erat dengan pelbagai pihak termasuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan parti-parti politik, khususnya di bawah Program Transformasi SPRM bidang pencegahan.

"SPRM yakin usaha menyeluruh merangkumi masyarakat pelbagai lapisan akan membantu meningkatkan sokongan orang ramai ke atas SPRM bagi memerangi rasuah serta mengalu-alukan pandangan dan cadangan daripada semua pihak," ujarnya.